

STPM Kertas 1 Set KVK 2:

Soalan 1

(a) Andaian atau prinsip perakaunan yang bersesuaian dengan amalan di bawah adalah:

1. Peraturan terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih.
Prinsip konservatisme. Prinsip ini mementingkan sikap berhati-hati apabila menyediakan rekod perakaunan. Oleh yang demikian, peraturan terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih perlu dipatuhi bagi mengiktirafkan kerugian inventori apabila nilai boleh realis bersih kurang daripada harga kos inventori.
2. Polisi perakaunan memperuntukkan susut nilai mengikut kaedah garis lurus.
Prinsip ketekalan. Prinsip ini memerlukan sesuatu kaedah digunakan secara konsisten bagi mengelakkan aktiviti manipulasi dan menggalakkan perbandingan antara tahun.
3. Keputusan untuk merekod belanja modal sebagai belanja hasil.
Prinsip materialiti / kematanan. Prinsip ini mengurangkan tugas perekodan apabila sesuatu butiran yang perlu direkod itu dianggap tidak material, iaitu tidak mempengaruhi keputusan pengguna maklumat kewangan.
4. Menyediakan nota-nota kepada akaun.
Prinsip pendedahan penuh. Prinsip ini memerlukan semua maklumat penting yang boleh mempengaruhi keputusan pengguna maklumat kewangan didedahkan secara sepenuhnya dalam laporan kewangan.
5. Sumber dokumen untuk setiap urus niaga.
Prinsip keobjektifan. Prinsip ini memerlukan semua urus niaga yang berlaku dan direkod disokong dengan dokumen-dokumen yang relevan bagi membuktikan bahawa urus niaga berkenaan benar-benar berlaku.
6. Menyediakan imbalan duga pada akhir setiap tempoh perakaunan.
Prinsip catatan bergu. Prinsip memerlukan semua urus niaga direkodkan dengan satu catatan debit dan satu catatan kredit dengan amaun yang sama dan imbalan duga disediakan untuk menyemak ketepatan perekodan dengan tatacara ini.

(b) (i) Catatan jurnal am mengikut pendekatan hasil:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Tunai Hasil Perkhidmatan (Merekod penerimaan tunai untuk hasil perkhidmatan)	238,400	238,400
	Hasil Perkhidmatan Hasil belum terperoleh (Merekod pelarasan hasil perkhidmatan pada akhir tahun)	22,720	22,720
	Hasil Perkhidmatan Untung rugi	215,680	215,680

	(Merekod pemindahan hasil perkhidmatan ke akaun untung rugi)		
Jul 1	Hasil belum terperoleh Hasil Perkhidmatan (Merekod catatan pembalikan hasil perkhidmatan)	22,720	22,720

(ii) Catatan jurnal am mengikut pendekatan liabiliti:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020		RM	RM
Jun 30	Tunai Hasil belum terperoleh (Merekod penerimaan tunai untuk hasil perkhidmatan)	238,400	238,400
	Hasil belum terperoleh Hasil Perkhidmatan (Merekod pelarasan hasil perkhidmatan pada akhir tahun)	215,680	215,680
	Hasil Perkhidmatan Untung rugi (Merekod pemindahan hasil perkhidmatan ke akaun untung rugi)	215,680	215,680
Jul 1	Catatan pembalikan tidak diperlukan		

(iii) Pendekatan yang lebih sesuai adalah dengan mengikut ciri sebenar sesuatu urus niaga. Jika hasil perkhidmatan telah diterima terdahulu, ia perlu direkodkan dalam akaun hasil belum terperoleh (liabiliti) dan pelarasannya dibuat mengikut jumlah yang terperoleh pada akhir tahun.

Jika hasil perkhidmatan itu terperoleh semasa tunai diterima, maka perekodan harus dibuat di akaun hasil perkhidmatan (hasil).

Dengan cara ini, prinsip keobjektifan dipatuhi kerana tatacara ini memberi gambaran yang sebenar dan saksama berkaitan dengan urus niaga ini.

(c) Bezaan antara tiga badan perakaunan di Malaysia:

1. Institut Akauntan-akauntan Awam Malaysia (MIA) adalah satu badan kawal selia perakaunan di Malaysia. Badan perakaunan ini bertanggung jawab mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan di Malaysia. Ini dilakukan melalui penetapan tahap kelayakan untuk akauntan bertauliah dan melaksanakan seminar menambahkan kemahiran akauntan serta program-program promosi profesion perakaunan.
2. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) adalah satu badan penggubal piawaian perakaunan di Malaysia. Badan ini bertanggung jawab untuk menggubal dan menerbitkan piawaian perakaunan yang baru serta menerima pakai piawaian perakaunan yang telah diterbitkan oleh badan perakaunan antarabangsa. Dengan ini, kualiti laporan kewangan di Malaysia dapat dikenalkan dan bertambah baik.

3. Institut Akauntan Bertauliah dan Awam Malaysia (MICPA) adalah satu badan profesional perakaunan di Malaysia. Badan ini bertanggung jawab melahirkan akauntan-akauntan bertauliah dengan memberi latihan serta peperiksaan untuk mencapai status tersebut. Badan ini juga menganjurkan seminar-seminar “Continuous Professional Development” bagi ahli-ahlinya untuk menambahkan kemahiran mereka.

www.kvk-accounting.com